

<b>Newspaper</b>	Berita Harian
<b>Date</b>	5 March 2016

## Dr M terdesak sertai bekas seteru

BH-5/3/2016

**Putrajaya:** Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad bersekongkol dengan bekas seteru politiknya membuktikan mereka berada pada tahap desprado atau terdesak.

Ia juga menunjukkan mereka mereka sanggup mencuri kesempatan politik kerana terlalu terdesak.

### Patuhi proses demokrasi

Jurucakap Kerajaan Malaysia, dalam satu kenyataan semalam, berkata kerajaan diterajui Datuk Seri Najib Razak adalah hasil mandat dan keinginan rakyat pada pilihan raya umum 2013.

"Jika Dr Mahathir mahu menukar kerajaan, beliau mestilah mematuhi proses demokrasi dan tunggu sehingga pilihan raya umum akan datang, selaras dengan undang-undang negara serta Perlembagaan Persekutuan," katanya.